Kedai jual 'ubat beracun' terus beroperasi

'Tidak berkesan pun'

KOSMO 10/2/09 M/S 2

Oleh ASRON MUSTAPHA
dan SHAWKATH AZDE
khas@kosmo.com.my

SALAH sebuah kedai yang dipercayai menjual 'ubat beracun' masih beroperasi di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR – Operasi 'pembersihan' yang dijalankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ke atas premis barangan kosmetik dan ubat-ubatan tradisional di sekitar Chow Kit di sini baru-baru ini langsung tidak berkesan.

Ini kerana kebanyakan premis berkenaan masih bebas menjual produk yang tidak didaftar dan mempunyai kandungan racun berjadual.

Malah tinjauan *Kosmo!* mendapati masih banyak produk berkenaan dijual di Lorong Haji Hussin, Jalan Raja Alang, dan Jalan Raja Bot, malah ada antaranya dipamerkan secara terbuka di atas rak hadapan.

Lebih menghairankan, peniaga yang ditemui sendiri memaklumkan premisnya tidak pernah diserbu, jadi sejauh manakah keberkesanan pemantauan KKM?

Wartawan *Kosmo!* sebelum ini dengan mudah boleh membeli produk kecantikan dari Filipina yang mengandungi racun berjadual hydroquinone, tretinon, sibutramine dan ephedrine yang dijual di sekitar Chow Kit.

Hydroquinone sebagai contoh boleh menyebabkan pigmentasi dan risiko kanser kulit sementara ephedrine pula menyebabkan kesan sampingan seperti tekanan darah tinggi dan kesan kardiovaskular.

Lebih mengejutkan, peniaga tersebut mengetahui produk yang dijual itu ialah barangan seludup tetapi menyatakan pihak berkuasa tidak pernah menyerbu premisnya.

"Produk ini kalau tahu kepada surat khabar tak boleh, haram. Ini produk 'panas' kerana tidak bayar cukai kepada Kastam," kata salah seorang peniaga warga Indonesia.

Ditanya adakah dia tidak takut menjual produk panas itu, lelaki itu menjawab:

"Mungkin dia (KKM) sehingga kini masih belum 'terbuka hati' untuk menyerbu kedai ini."

Kosmo! pada 3 Februari lalu membongkar kegiatan penjualan ubat tradisional dan kosmetik di sekitar Chow Kit yang mengandungi bahan kimia terlarang dalam penggunaannya.

Beberapa hari kemudian KKM bertindak menyerbu kedai-kedai berkenaan.

KERATAN
Kosmo! 3 Februari.